POLITEKNIK MALAYSIA
METrO BETONG SARAWAK

# PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI II 2024/2025

## 1.1 Pengenalan kepada Politeknik METrO Betong Sarawak

Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) merupakan sebuah institusi pendidikan dan latihan bagi memenuhi keperluan sosio ekonomi tempatan dan wilayah *(Local and regional sosio-economic needs)* dalam bidang tertentu terutamanya bagi keperluan sektor perkhidmatan (*service industries*) yang semakin meningkat, sama ada pada peringkat industri kecil dan sederhana (IKS) mahupun syarikat multi-nasional.

Penubuhan PMBS adalah seiring dengan agenda transformasi negara iaitu meningkatkan daya saing melalui pembangunan ekonomi yang berpendapatan tinggi terutamanya dalam aspek menjana modal insan yang serba boleh dan mampu berubah dalam persekitaran pasaran kerja yang dinamik.

Sasaran pelajarnya ialah lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan golongan pekerja (*working adults*) yang memerlukan *upskill* dan *re-skilling.* Pembelajaran di PMBS akan mengutamakan kaedah *Online Virtual and Juntance Learning* (OVDL) dalam kerangka *e-Learning.* Kebanyakan tenaga pengajarnya adalah mereka yang mempunyai pengalaman industri.

## 1.2 Penawaran Program

PMBS menawarkan dua program yang berdaya saing untuk memenuhi keperluan industri iaitu:

- Diploma Pengurusan Pelancongan (DUP)
- Diploma Kewangan (DFI)

## 1.3 Visi dan Misi Politeknik

**Visi**

Menjadi Peneraju Institusi TVET yang unggul

**Misi**

- Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf
- Memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat
- Menghasilkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang
- Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan

## 1.4 Lokasi PMBS

Terletak di Bandar Baru Betong dan di kelilingi bangunan kedai di sebelah PMBS. Terdapat kemudahan bank seperti Agro Bank, Bank Rakyat dan BSN di sekitar Bandar Baru Betong. Terdapat juga kedai seperti Mr.DIY, Mini Market, Watson, Magic Bite, Share Tea, Tealive, KFC, Sugar Bun dan lain-lain terletak berhampiran dengan Politeknik.




Link : https://shorturl.at/fwIZ5

QR Code: Lokasi PMBS

## 1.5 Kemudahan Asrama

Di Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) tiada kemudahan asrama disediakan. Pelajar perlu tinggal di rumah sewa berdekatan dengan bangunan, walau bagaimanapun pihak PMBS tetap membantu pelajar mendapatkan bilik sewa.

### 1.6 Maklumat Pendaftaran Pelajar Baharu Sesi II 2024/2025

Semua calon pelajar baharu **WAJIB HADIR** pada Hari Pendaftran Pelajar Baharu Sesi II 2024/2025. Butiran Hari Pendaftaran Baharu adalah seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 6 Januari 2025 (Isnin) |
| Masa | : | 9.00 pagi - 1.00 petang |
| Tempat | : | Bilik Kuliah 5 & 6 |

**Taklimat ibu bapa**

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 6 Januari 2025 (Isnin) |
| Masa | : | 10.00 pagi |
| Tempat | : | Sri Gemilang METrO (Ruang legar PMBS) |
| | | ***Kehadiran ibubapa/penjaga amat digalakkan |

## 1.7 Etika Pemakaian Semasa Pendaftaran Pelajar

Semasa hari Pendaftaran Pelajar Baharu, calon pelajar **HENDAKLAH** memenuhi etika pakaian seperti berikut

| PELAJAR LELAKI | PELAJAR PEREMPUAN |
|---|---|
| **1.** Baju kemeja **berkolar** | 1. Baju kurung / blouse |
| 2. Seluar panjang berwarna hitam | 2. Kain sarung / skirt labuh / seluar slack berwarna hitam |
| 3. a Bertali leher g | 3. Bertudung hitam untuk pelajar Islam |
| 4. i Rambut kemas, pendek dan tidak diwarnakan | 4. Rambut kemas dan **TIDAK DIWARNAKAN** |
| 5 c Kasut bertutup (Hitam/Gelap) | 5. Kasut bertutup (Hitam/gelap) |

• B

alon pelajar yang memperlihatkan etika pakaian tidak sesuai, boleh dihalang daripada mendaftar.

• Pelajar WAJIB membawa baju **T-Shirt sukan** (Jangan ada lambang politik) dan **kasut sukan** dan **seluar track gelap** untuk kegunaan aktiviti riadah sebelah petang semasa Minggu Transformasi Siswa (MTS)

**Contoh Etika pemakaian pelajar Politeknik**






KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
PERATURAN RUPA DIRI
PELAJAR PEREMPUAN
1
2
3
4
5
Pakaian ketika menghadiri kuliah/aktiviti PdP/peperiksaan/urusan di pejabat sekitar kampus: 1 - 3,
Pakaian ketika berada di bengkel: 4
Pakaian ketika menghadiri aktiviti riadah/sukan : 5

## 1.8 Carta Alir Proses pengambilan pelajar



## 1.9 Pembayaran Yuran Pelajar Baharu Sesi II 2024/2025

Semua calon pelajar yang telah disahkan tawaran (telah mengembalikan BJT bersama dengan dokumen sokongan yang lengkap) adalah dikehendaki untuk menjelaskan Yuran Pengajian dan Bayaran Keahlian MSP sebelum hadir untuk Pendaftaran Pelajar Baharu. Bayaran boleh dibuat mulai **20 Disember 2024.**

| BIL. | JENIS BAYARAN | JUMLAH (RM) | KAEDAH BAYARAN |
|---|---|---|---|
| 1 | **Yuran Pengajian** | **200.00** | Bayar melalui kaedah ePembayaran-JOMPAY<br>Biller code PMBS: **241117**<br>(Akaun simpanan/*saving account* sahaja) |
| 2 | **Bayaran pelbagai**<br>• Kelengkapan pelajar<br>• Insuran<br>• *Name card* | **300.00** | Bayaran menggunakan S pay Global **(Sarawak Pay)** atau **tunai.**<br>**Bayar semasa pendaftaran (06/01/2025)** |
| 3 | **Majlis Sukan Politeknik Malaysia (MSP)**<br><br>Pendaftaran (Keahlian) **RM10.00**<br><br>Bayaran Semester **RM 15.00** | **25.00** | 1. Bayaran boleh dibuat melalui **Pindahan Wang** sahaja **(*Fund Transfer*)** ke akaun **Tetuan Majlis Sukan Politeknik**.<br><br>2. Sila nyatakan **No Kad Pengenalan** pelajar sebagai rujukan semasa membuat bayaran.<br><br>**3.** Nama Bank : **Bank Islam Malaysia** No Akaun : **04033010039762** |
| 4 | **Segala perbelanjaan pemeriksaan doktor ditanggung oleh pihak pelajar**. | | |

**(SILA PATUHI ARAHAN PEMBAYARAN DAN SETIAP JENIS YURAN LAIN CARA PEMBAYARAN)**

Nota:

a. Politeknik tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kesilapan yang berlaku dalam proses pembayaran yuran.

b. Simpan resit pembayaran dan bawa semasa pendaftaran

## 1.10 Tatacara Pembayaran Yuran (JOMPAY)

1. Log masuk ke perbankan pilihan dalam talian atau *mobile banking* (Boleh menggunakan mana-mana bank yang ada perkhidmatan Jompay)




(Contoh bank yang boleh menggunakan jompay)

**b**. Pilih JOMPAY pada menu *Pay Bills*



**c.** **Buat pilihan akaun pengguna dan isi maklumat berikut:**

1. *Biller code:* **241117 (Mewakili PMBS)**
2. *Reference 1*: **No kad Pengenalan Pelajar (Tanpa -)**
3. *Reference 2*: **No telefon pelajar (Tanpa -)**
4. ***Jumlah**:  RM200 (Yuran Pengajian)*

**( BACA DENGAN TELITI SEBELUM MEMBUAT PEMBAYARAN)**




1. Menyemak semula maklumat sebelum mengesahkan **(CONFRIM)** pembayaran



**d.** *Unique JomPay Rerefence Number* akan dipaparkan setelah transaksi bayaran berjaya dilakukan




- Pelajar diwajibkan untuk mencetak maklumat bayaran ini bagi tujuan simpanan dan rekod pendaftaran pelajar sebagai bukti pembayaran

## 1.11 Tatacara pendaftaran pelajar baharu secara online di SPMP

Semua calon yang **TELAH MELAKUKAN PEMBAYARAN YURAN PENGAJIAN (24 jam waktu bekerja)** hendaklah mendaftar masuk ke portal Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik (SPMP) melalui capaian (dibuka mulai 08 Julai 2024) http://spmp.pmbs.edu.my/uspmp2/logindaftarbaru.jsp

1. **Sila KLIK Pendaftaran Pelajar Baharu On-Line**




2. **Masukan nombor kad pengenalan pelajar**



- Sila klik ‘**pendaftaran online’**
- Cetak slip pendaftaran online dan dibawa semasa pendaftaran di PMBS



## 1.12 Pinjaman/Penajaan Pendidikan

### c. PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

- Calon yang berminat untuk memohon pinjaman PTPTN harus mempunyai akaun **SSPN**.
- Calon juga perlu membuka akaun simpanan **Public Bank SAHAJA** oleh kerana pinjaman PTPTN untuk Politeknik METrO Betong Sarawak adalah melalui bank tersebut.
- Calon yang berminat untuk mendapatkan pinjaman PTPTN boleh membuat permohonan secara online melalui laman web www.ptptn.gov.my

### d. Yayasan Kerajaan Negeri (Contoh: Yayasan Sarawak)

- Pelajar perlu memohon sendiri melalui website yayasan tersebut
- Yayasan Sarawak ada menyediakan Bantuan Kemasukan ke IPT untuk pelajar yang layak
- Calon pelajar boleh mendapatkan maklumat lanjut di https://yayasansarawak.org.my/my/biasiswa/

### e. Tabung Baitulmal

- Calon yang berminat perlu memohon sendiri ke Pejabat Baitulmal berdekatan

## 1.13 Bantuan Awal kemasukan ke IPT (Dimohon sendiri oleh pelajar)

a) **PTPTN**

- Dimohon semasa pelajar mengisi UPU

b) **Yayasan Sarawak**

- Ibubapa atau penjaga pelajar mempunyai pendapatan perkapita RM1,500.00 dan ke bawah.
- Permohonan boleh dibuat di https://yayasansarawak.org.my/my/biasiswa/

c) **Tabung Baitulmal Sarawak (TBS)**

- Tiada had pendapatan ditetapkan
- Hanya untuk pelajar Muslim sahaja
- Permohonan boleh dibuat di pejabat Baitulmal berdekatan

## 1.14 Bantuan daripada Yayasan Sarawak

- Percuma Laptop dan baucar buku untuk pelajar daripada negeri Sarawak sahaja
- Sila baca kriteria permohonan
- Pelajar perlu memohon di https://yayasansarawak.org.my/my/laman-utama/

## 1.15 Dokumen Perjalanan Terhad

- Calon pelajar dari **Sabah / Semenanjung WAJIB** memiliki **Dokumen Perjalanan Terhad** (DPT) yang sah.
- Dokumen tersebut boleh dibuat di mana-mana Pejabat Imegresen yang berhampiran.
- Dokumen ini akan digunakan untuk memohon Pas Belajar (diuruskan oleh PHEP PMBS).

## 1.16 Maklumat Tambahan

1. Borang HEP 1 hingga HEP 6 perlu dilengkapkan. **Setiap dokumen mestilah dicetak pada satu muka kertas bersaiz A4 untuk setiap satu, cetakan tidak boleh dilakukan pada muka hadapan dan belakang helaian yang sama (Jika telah mencetak daripada portal ambilan, pelajar tidak perlu cetak borang semula)**
2. Pelajar perlu menjalani pemeriksaan kesihatan di klinik kerajaan/ swasta dengan tanggungan sendiri sebelum melapor diri sebagai pelajar Politeknik.
3. Pegawai yang layak menjadi saksi untuk mengesahkan salinan sijil serta dokumen:
   a. Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional / Kumpulan A
   b. Doktor yang bertugas di Pusat kesihatan Kerajaan sahaja
   c. Pengetua Sekolah Menengah
   d. Pegawai Polis berpangkat ASP dan ke atas
   e. Pegawai Tentera berpangkat Kapten dan ke atas
   f. Penguasa Penjara, Penguasa Bomba, Penguasa Kastam
   g. Pengurus Felda atau Pengurus Felcra
   h. Wakil Rakyat
   i. Pengamal Undang-undang
   j. Pesuruhjaya Sumpah
   k. Jaksa Pendamai
   l. Penghulu/Penggawa/Ketua Kampung/Pemanca/Ketua Kaum (Sabah & Sarawak)

*(Sila pastikan cop pengesahan mesti mempunyai nama dan jawatan serta majikan*

## 1.17 Carta Alir Pendaftaran Pelajar Baharu (06/01/2025) Isnin






**LAYOUT PENDAFTARAN PELAJAR DI BK 5 & 6**

POLITEKNIK MALAYSIA
METrO BETONG SARAWAK

# SENARAI SEMAK PENDAFTARAN PELAJAR SEMESTER 1

| BIL | BORANG | SEMAKAN (PELAJAR) | SEMAKAN PEGAWAI | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| 1 | **BJT -JPP**<br>(Sila bawa jika sebelum ini hanya menghantar softcopy ke email) | | | |
| 2 | **BHEP 1**<br>Borang Maklumat Peribadi Pelajar | | | |
| | **BHEP 2**<br>Laporan Pemeriksaan Kesihatan | | | |
| 4 | **BHEP 3**<br>Perakuan Pelepasan Tanggungjawab<br>**i. BHEP 3a**<br>Perakuan Pelepasan Tanggungjawab (Ibu/Bapa/Penjaga)<br>**ii. BHEP 3b**<br>Perakuan Pelepasan Tanggungjawab (Pelajar) | | | |
| 5 | **BHEP 4**<br>Kebenaran Ibu/bapa/penjaga untuk rawatan pembedahan | | | |
| 6 | **BHEP 5**<br>Aku Janji Pelajar | | | |
| 7 | **BHEP 6 Borang Pengesahan Pendapatan**<br>**i. BHEP 6a**<br>Borang Pengesahan Pendapatan Bapa<br>**ii. BHEP 6b**<br>Borang Pengesahan Pendapatan Ibu<br>**iii. BHEP 6c**<br>Borang Pengesahan Pendapatan Penjaga | | | |
| 8 | Borang Pengakuan dan Persetujuan data Peribadi | | | |
| 9 | Salinan Nombor Akaun bank | | | |
| 10 | Gambar Ukuran passport (2 keping) | | | |
| 11 | Salinan Yuran Pengajian (RM200 - Jompay) | | | |
| 10 | Salinan MSP (RM25) | | | |
| 10 | Salinan Bayaran Pelbagai (RM300) | | | |

**Pelajar**

Tandatangan:

Nama:

Tarikh:

**Pegawai Pendaftaran:**

Tandatangan:

Nama:

Tarikh:

MSP_DAF- 001

**BORANG KEAHLIAN PELAJAR**
**(SEMESTER 1)**
**MAJLIS SUKAN POLITEKNIK MALAYSIA**

| | |
|---|---|
| NAMA PELAJAR | |
| NO. KAD PENGENALAN | |
| NO. PENDAFTARAN | |
| PROGRAM | |
| SEMESTER | |
| SESI | |
| POLITEKNIK | POLITEKNIK METRO BETONG |
| NO H/P | |

Saya________________________________No kad pengenalan______________________dengan sesungguhnya bersetuju untuk menjadi ahli Majlis Sukan Politeknik Malaysia dan sedaya upaya akan mematuhi segala peraturan serta undang-undang Majlis Sukan Politeknik Malaysia dan memberi sokongan terhadap program yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Politeknik Malaysia seperti ketetapan berikut:

**YURAN KEAHLIAN**

| | |
|---|---|
| PENDAFTARAN | RM 10.00 |
| SEMESTER | RM 15.00 |
| JUMLAH | **RM 25.00** |
| | • Bayaran boleh dibuat melalui **Pindahan Wang** sahaja (*Electronic Fund Transfer*) ke akaun **Majlis Sukan Politeknik Malaysia.**<br>Nama Bank : **Bank Islam Malaysia Berhad**<br>No Akaun : **04033010039762**<br>Jenis Akaun : **Akaun Semasa**<br>• Sila nyatakan **No Kad Pengenalan** pelajar sebagai rujukan semasa membuat bayaran.<br>• Sila kepilkan salinan slip pindahan wang sebagai bukti pembayaran. |

Tandatangan

(NAMA :________________________________________)
Tarikh :

# SEKIAN TERIMA KASIH

# &

# SELAMAT DATANG KE POLITEKNIK METrO

# BETONG SARAWAK

***Sekiranya calon pelajar ada sebarang kemusykilan atau masalah berhubung dengan Hari Pendaftaran Pelajar Baharu, sila hubungi***

*Politeknik METrO Betong Sarawak*

*Unit Hal Ehwal Pelajar (UHEP)*

*1-12 Fasa 2, Bandar Baru Betong,*

*Jalan Baru Betong,*
*95700 Betong,*
*Sarawak*

*Tel: 083-472676*
*Fax: 083-4729*